

**Nazri Aziz tidak minat bertanding pemilihan Umno**  
**Malaysian Insider**  
**July 24 , 2013**  
**Oleh Md Izwan**

Datuk Seri Mohamad Nazri Abdul Aziz memaklumkan untuk tidak bertanding dan berharap pihak tertentu menghenti spekulasi mengenai kemungkinan penglibatannya pada pemilihan Umno, Oktober ini.

"Saya langsung tidak berminat untuk bertanding dalam pemilihan Umno. Tidak payahlah buat spekulasi.

"Saya hanya berminat bertanding dalam pilihan raya umum. Lagi satu, saya minat jadi Ketua Bahagian Umno Padang Rengas," katanya, sedikit bergurau

Menteri Pelancongan dan kebudayaan itu berkata demikian secara tegas walaupun ada unsur gurauan ketika ditemui pada Majlis Berbuka Puasa di Balai Seni Visual Negara, semalam.

Nazri pernah menjadi Ketua Pemuda Umno pada 1994 dan antara 37 Ahli Majlis Tertinggi Umno.

Pemilihan Oktober ini dianggap ujian kepada pindaan perlembagaan ke atas Umno yang menyaksikan 146,500 perwakilan dari 191 bahagian seluruh negara bakal membuat pemilihan pucuk pimpinan parti.

Perhimpunan Agung Khas Umno pada Oktober 2009 meluluskan pindaan iaitu perwakilan bakal menentukan kepemimpinan Umno dengan menghapus sistem kuota, persidangan mesyuarat perwakilan secara serentak dan menambah bilangan ahli jawatankuasa lantikan Wanita.

Selain itu, dua jawatan tertinggi iaitu Presiden dan Timbalan Presiden hampir pasti tidak dipertanding, malah Setiausaha Agungnya, Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor menyatakan pendirian itu atas alasan ia mengamal 'demokrasi terpimpin'.

Bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad juga menyokong penuh cadangan dua jawatan tertinggi itu tidak dipertanding kali ini. - 24 Julai, 2013.

Hakcipta © 2013 The Malaysian Insider

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/nazri-aziz-tidak-minat-bertanding-pemilihan-umno>